

SOALAN LAZIM
CABUTAN WOW! SIMPAN SSPN 2023

1. **Soalan:**
Apakah **Cabutan WOW! Simpan SSPN 2023**?

Jawapan:

Kempen Cabutan WOW! Simpan SSPN 2023 adalah kempen yang menawarkan pelbagai kategori cabutan dan hadiah tunai lumayan dengan jumlah keseluruhan **hampir RM500,000** untuk dimenangi oleh **138 orang pemenang**. Kempen ini adalah sebagai tanda penghargaan PTPTN kepada rakyat Malaysia kerana memilih Simpan SSPN sebagai pilihan utama untuk simpanan. Terdapat enam (6) cabutan untuk disertai oleh semua pendeposit:-

- a) WOW! Gong Xi Ang Pow
- b) WOW! Syoknya Raya
- c) WOW! Merdeka
- d) WOW! Superheroes
- e) WOW! Y.E.S 2023
- f) Cabutan Tahunan

2. **Soalan:**
Bilakah tempoh kempen **Cabutan WOW! Simpan SSPN 2023** bermula?

Jawapan:

Tempoh kempen adalah seperti berikut:-

Kategori	Cabutan	Tempoh Kempen	Tempoh Pengekalan
Cabutan Siri	WOW! Gong Xi Ang Pow	1 Jan – 28 Feb 2023	1 Mac – 30 April 2023
	WOW! Syoknya Raya	1 Mac – 31 Mei 2023	1 Jun – 31 Julai 2023
	WOW! Merdeka	1 Jun – 31 Ogos 2023	1 September – 31 Oktober 2023
	WOW! Superheroes	1 September – 31 Oktober 2023	1 November – 31 Disember 2023
	WOW! Y.E.S 2023	1 November – 31 Disember 2023	Tiada
Cabutan Tahunan		1 Januari – 31 Disember 2023	Tiada

3. **Soalan:**
Apakah yang dimaksudkan dengan **Tempoh Pengekalan**?

Jawapan:

Tempoh Pengekalan adalah tempoh di mana pendeposit tidak boleh membuat pengeluaran simpanan semasa tempoh tersebut daripada mana-mana akaun yang didepositkan dalam tempoh kempen untuk melayakkan cabutan.

4. Soalan:

Apakah syarat-syarat untuk menyertai kempen **Cabutan WOW! Simpan SSPN 2023**?

Jawapan:

Syarat-syarat untuk menyertai promosi ini adalah seperti berikut:

- i. Terbuka kepada pendeposit **Simpan SSPN Prime dan Simpan SSPN Plus yang membuka akaun atau membuat penambahan simpanan** dalam tempoh kempen;
- ii. Kempen ini **TIDAK LAYAK** disertai oleh kakitangan PTPTN dan ahli keluarga (merangkumi pasangan dan anak-anak);
- iii. Pendeposit **tidak boleh membuat pengeluaran simpanan semasa tempoh pengekalan daripada mana-mana akaun yang didepositkan dalam tempoh kempen untuk melayakkan cabutan**;
- iv. **Kelayakan Bilangan Cabutan**

Produk	Simpanan Bersih	Bilangan Cabutan	
		Transaksi Berjaya Melalui Platform Selain myPTPTN	Transaksi Berjaya Melalui myPTPTN
Simpan SSPN Prime	RM100	1 cabutan	5X cabutan
Simpan SSPN Plus	RM50 (simpanan + takaful)	2 cabutan	10X cabutan

- v. Pendeposit adalah digalakkan untuk melakukan **transaksi melalui aplikasi myPTPTN** untuk mendapatkan ganjaran **cabutan berganda**;
- vi. Tiada had untuk bilangan cabutan;
- vii. Pendeposit perlu **memastikan akaun Simpan SSPN kekal aktif dan akaun Simpan SSPN Plus tiada tunggakan sehingga tarikh cabutan**;
- viii. Sekiranya berlaku kematian pendeposit dalam tempoh kempen, akaun itu masih layak untuk menyertai cabutan, tertakluk kepada terma dan syarat simpanan.

5. Soalan:

Adakah permohonan perlu dibuat untuk melayakkan pendeposit menyertai **Cabutan WOW! Simpan SSPN 2023**?

Jawapan:

Tidak perlu kerana kelayakan **Cabutan WOW! Simpan SSPN 2023** ini adalah automatik bagi pendeposit yang layak.

6. **Soalan:**
Bagaimanakah pendeposit boleh membuka akaun/ menambah simpanan **Simpan SSPN Prime** dan **Simpan SSPN Plus**?

Jawapan:

Akaun **Simpan SSPN Prime** dan **Simpan SSPN Plus** boleh dibuka/ ditambah melalui aplikasi mudah alih myPTPTN, www.ptptn.gov.my, di kaunter cawangan PTPTN, atau melalui ejen-ejen sah yang telah dilantik.

7. **Soalan:**
Adakah pendeposit **LAYAK** menyertai cabutan sekiranya pendeposit telah membuat pengeluaran simpanan di dalam tempoh kempen atau semasa tempoh pengekatan daripada akaun yang didepositkan dalam tempoh kempen?

Jawapan:

Kelayakan cabutan adalah seperti berikut:-

Bil	Perkara	Kelayakan Cabutan
1	Pengeluaran simpanan semasa tempoh kempen sahaja	LAYAK
2	Pengeluaran simpanan semasa tempoh pengekatan sahaja	TIDAK LAYAK
3	Pengeluaran simpanan semasa tempoh kempen dan tempoh pengekatan	TIDAK LAYAK

8. **Soalan:**
Jika akaun Simpan SSPN pendeposit **TIDAK AKTIF** dan mempunyai nilai tertunggak bagi akaun Simpan SSPN Plus, adakah pendeposit tersebut masih layak untuk menyertai cabutan?

Jawapan:

TIDAK LAYAK. Pendeposit perlu memastikan akaun Simpan SSPN kekal aktif dan akaun Simpan SSPN Plus tiada nilai tunggakan sehingga tarikh cabutan.

9. **Soalan:**
Jika pendeposit meninggal dunia, adakah akaun tersebut masih layak untuk menyertai cabutan?

Jawapan:

LAYAK. Tertakluk kepada terma dan syarat simpanan.

10. Soalan:

Apakah hadiah yang ditawarkan untuk promosi ini?

Jawapan:

Pemenang kempen akan memenangi hadiah tunai seperti berikut:

Cabutan Siri

Kategori	Hadiah Tunai	Jumlah RM
WOW! Gong Xi Ang Pow	RM2,023 x 23 pemenang	46,529.00
WOW! Syoknya Raya	RM2,023 x 23 pemenang	46,529.00
WOW! Merdeka	RM2,023 x 23 pemenang	46,529.00
WOW! Superheroes	RM2,023 x 23 pemenang	46,529.00
WOW! Y.E.S 2023	RM2,023 x 23 pemenang	46,529.00

Cabutan Tahunan

Pemenang	Hadiah Tunai	Jumlah RM
Utama	RM150,000 x 1 pemenang	150,000.00
Kedua	RM50,000 x 1 pemenang	50,000.00
Ketiga	RM10,000 x 1 pemenang	10,000.00
Saguhati	RM2,023 x 20 pemenang	40,460.00

11. Soalan:

Bilakah tarikh cabutan?

Jawapan:

Secara tentatifnya, tarikh cabutan adalah 20 hari selepas tamat tempoh setiap cabutan. Walau bagaimanapun, tarikh ini mungkin akan berubah mengikut keperluan dan keadaan semasa.

12. Soalan:

Bagaimanakah maklumat kepada pemenang **Cabutan WOW! Simpan SSPN 2023** akan dibuat?

Jawapan:

Pemenang akan dimaklumkan melalui surat/ emel/ panggilan telefon atau kaedah penyampaian lain yang bersesuaian. Nama-nama pemenang juga akan dipaparkan di laman portal rasmi PTPTN: www.ptptn.gov.my

13. Soalan:

Bilakah hadiah tunai akan dikreditkan kepada pemenang?

Jawapan:

Hadiah berbentuk ganjaran tunai yang dimenangi akan dikreditkan ke dalam akaun Simpan SSPN Prime dalam tempoh **DUA (2) BULAN** dari tarikh cabutan. Pelarasan **hadiah tunai akan dikreditkan ke dalam akaun Simpan SSPN Prime** pen deposit yang dibuka untuk diri sendiri. Jika pemenang tidak mempunyai akaun Simpan SSPN Prime yang dibuka untuk diri sendiri, pembukaan akaun akan dibuat berdasarkan kepada butiran sedia ada pen deposit di dalam rekod PTPTN.

Nota: Anda dinasihatkan untuk membaca dan memahami terma-terma dan syarat-syarat penuh kempen **Cabutan WOW! Simpan SSPN 2023**.

Maklumat dikemaskini pada 12 Januari 2023